



---

**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SERI KONG CHO HA**  
**MENTERI PENGANGKUTAN**  
**SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN 1MOT DAN**  
**SAMBUTAN PERAYAAN DEEPAVALI / AIDILADHA**  
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**  
**15 NOVEMBER 2011**

---

Yang dihormati saudara dan saudari Pengerusi Majlis

YB. Tuan Jelaing anak Mersat,

Timbalan Menteri Pengangkutan I

YB. Datuk Rahim Bakri,

Timbalan Menteri Pengangkutan II

Y. Bhg. DatoqYap Kin Sian,

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

Yang Berusaha Puan Ruhaizah Mohamed Rashid

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan)

Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi di bawah  
Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ketua-Ketua Unit serta warga  
kementerian.

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Terima kasih kepada anda semua kerana dapat bersama di Majlis Perhimpunan Bulanan 1MOT dan Sambutan Perayaan Deepavali / Aidiladha ini. Rakaman terima kasih juga diajukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan sebagai pengelola majlis ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Seperti yang tuan / puan sedia maklum, Deepavali telah disambut oleh penganut beragama Hindu pada 26 Oktober 2011 yang lalu dan Hari Raya Aidil Adha oleh yang beragama Islam telah disambut pada 6 November 2011 yang lepas. Saya berharap semua warga MOT telah pun meraikan dengan perasaan yang gembira dan tenang secara bersama-sama sebagai satu masyarakat yang berpegang teguh kepada semangat 1Malaysia. Walaupun kedua-dua perayaan tersebut merupakan perayaan keagamaan, terdapat nilai-nilai yang boleh kita serap dalam memantapkan kehidupan harian dan kerja kita tidak kira agama dan bangsa.

Deepavali pada asasnya disambut untuk meraikan kejayaan terhadap kebaikan menentang kejahatan (triumph of good over evil). Secara tersirat, apabila kejahatan atau keburukan ditewaskan maka akan ada cahaya, itulah simbolik perayaan Deepavali. Kejahatan atau keburukan yang dimaksudkan ini bukan sahaja menjurus kepada epik atau legenda Hindu, malah ia menggambarkan cara kita hidup, apabila kejahatan atau keburukan dihapuskan, maka hidup kita akan terang benderang dilimpahi dengan cahaya.

Hari Raya Aidil Adha pula mengingatkan kita mengenai pengorbanan Nabi Ibrahim serta kesabaran anaknya Nabi Ismail. Secara umumnya, pengorbanan ini membawa maksud yang lebih mendalam secara kerohanian, iaitu pengorbanan seseorang demi agama, negara, keluarga dan masyarakat sekelilingnya.

Warga Kementerian sekalian,

Tradisi sambutan dwi-perayaan seumpama ini telah pun dimulakan semenjak beberapa tahun kebelakangan ini dan ia merupakan satu tradisi yang baik dan perlu diteruskan pada perayaan-perayaan yang akan datang. Majlis sebegini akan mengerat dan memperkukuhkan lagi hubungan sesama kita tanpa mengira bangsa mahupun agama. Perkongsian perayaan ini sebenarnya banyak memberi peluang kepada seluruh warga MOT khususnya untuk sama-sama menikmati suasana meriahnya meraikan perayaan bersama-sama.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Di sini juga, saya ingin menyentuh serba sedikit tentang beberapa perkara berkaitan dengan aktiviti dan program Kementerian ini untuk dikongsikan bersama, antaranya, mengenai kejayaan penganjuran Sambutan 100 tahun Penerbangan Awam yang diadakan baru-baru ini yang telah

dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri. Syabas, saya ucapkan kepada Jabatan Penerbangan Awam (DCA). Pada majlis tersebut, YAB Perdana Menteri telah menyarankan supaya diwujudkan satu *National Aviation Policy* bertujuan untuk memberi halatuju yang jelas ke arah pembangunan industri penerbangan negara ini dalam menghadapi prospek dan cabaran pada masa hadapan.

Di samping itu, Malaysia Airlines (MAS) baru-baru ini juga telah memenangi Anugerah Pengembaraan Dunia untuk penerbangan paling utama Asia untuk tahun 2011 dan ini merupakan tahun ketiga berturut-turut bagi syarikat penerbangan Malaysia Airlines memenangi anugerah tersebut. Tahniah saya ucapkan. Kejayaan sebegini menunjukkan bahawa pengangkutan awam terutamanya pengangkutan udara di negara kita mampu untuk bersaing dengan negara asing khususnya di peringkat antarabangsa.

Selain itu, pengangkutan udara juga telah menunjukkan peningkatan dari aspek penumpangnya pada tahun ini. Statistik trafik penumpang di lapangan-lapangan terbang di Malaysia untuk sembilan bulan pertama tahun 2011 telah mencatat kenaikan sebanyak 12.04% ataupun bersamaan 48.40 juta penumpang jika dibandingkan dengan tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah disebabkan penambahan kekerapan penerbangan dan juga destinasi baru oleh syarikat-syarikat penerbangan tempatan dan antarabangsa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Bagi sektor Maritim, penganjuran Majlis Sambutan Hari Maritim Sedunia Peringkat Kebangsaan pada 1 hingga 2 Oktober 2011 yang lalu dengan tema iaitu *%Biracy :Orchestrating the Response+* telah menyeru seluruh komuniti perkapalan termasuk orang awam supaya memainkan peranan masing-masing bagi mendokong usaha kerajaan untuk memastikan pengangkutan laut sentiasa terpelihara dan selamat.

Seperti yang tuan/puan sedia maklum, pada penghujung bulan November ini iaitu pada 21 November 2011, Malaysia sekali lagi akan mempertahankan kerusi keahlian Majlis IMO yang telah disandang sejak pemilihan pada 2005 dalam kategori C. Kategori C adalah terdiri daripada negara yang mempunyai kepentingan dalam perkhidmatan perkapalan serta pelayaran dan mewakili geografi utama dunia. Demi untuk terus berjaya mengekalkan kerusi Majlis, saya berharap semua pihak yang terlibat memainkan peranan masing-masing dengan baik dan bersungguh-sungguh bagi memastikan aspirasi negara tercapai dan kepentingan negara dalam sektor maritim terus terpelihara.

Akhir kata, saya ingin menyeru supaya semua warga Kementerian ini sentiasa berusaha dengan gigih demi menaikkan nama baik MOT di mata masyarakat negara ini. Selain itu, sempena sambutan dwi-perayaan ini juga, saya percaya bahawa setiap individu atau masyarakat yang melakukan pengorbanan akan sentiasa dirahmati dalam hidup



mereka. Oleh itu, saya ingin menekankan sekali lagi supaya majlis sebegini digunakan secara sepenuhnya untuk mengeratkan lagi perhubungan antara warga kementerian bagi membentuk semangat 1MOT yang amat diperlukan untuk mengecapi kejayaan pada masa kini dan akan datang.

Sekian, terima kasih.